

 <p>MDBG</p>	BAHAGIAN PELESENAN JABATAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN MAJLIS DAERAH BATU GAJAH JALAN HAJI ABDUL WAHAB, 31000 BATU GAJAH		
	SYARAT-SYARAT LESEN BARANG LUSUH		
	Syarat-syarat lesen barang lusuh / MDBG / JPPK /50	No.Telefon	05-3632020 / 05-3632030
		No.Fax	05-3665930
		E-mail	pelesenan@mdbg.gov.my
Tarikh Kemaskini		19/12/2023	

1. "Hoarding" hendaklah dibina di sekeliling pusat pengumpulan barang-barang lusuh dengan ketinggian 8 kaki dan diperbuat daripada bahan "metal deck" yang dicat lapisan pencegah karat dan sentiasa diawasi supaya berada dalam keadaan bersih.
2. Tidak dibenarkan sama sekali meletak /mengumpul atau melakukan sebarang kerja pengasingan diluar kawasan "hoarding" hadapan dan belakang premis.
3. Semua kerja-kerja pemunggahan barang-barang lusuh hendaklah dilakukan di dalam kawasan "hoarding".
4. Pengusaha hendaklah memperoleh lesen daripada Majlis Daerah Batu Gajah sebelum menjalankan aktiviti perniagaan tersebut.
5. Pengusaha hendaklah melantik syarikat swasta dan kakitangan khusus bagi menjalankan kerja-kerja pengawalan serangga pembawa penyakit/ pembiakan tikus,lalat, lipas dan lain-lain dan satu penyimpanan rekod kerja yang dijalankan disediakan untuk semakan Jabatan.
6. Semburan nyamuk perlu dijalankan mengikut jadual yang dikeluarkan oleh Pejabat Kesihatan Daerah atau Majlis Daerah dan meyimpan rekod kerja-kerja yang dibuat.
7. Barang-barang yang mudah menakung air hendaklah samada ditutup dengan rapi menggunakan kanvas atau dibina bumbung bagi mengelak sebarang bentuk pembiakan nyamuk.

8. Sebarang pembinaan di atas tapak hendaklah mendapat kelulusan daripada Jabatan-Jabatan berkaitan di Majlis Daerah Batu Gajah.
9. Aktiviti perniagaan hendaklah bermula dari jam 7.00 pagi dan berakhir selewat-lewatnya jam 6.00 petang. Tidak dibenarkan sama sekali aktiviti urusniaga pada sebelah malam.
10. Pemohon dikehendaki supaya mengawal semua aktiviti yang terlibat dengan perniagaan terutama pencemaran bunyi.
11. Tahap kebersihan hendaklah dipastikan sentiasa terjaga, semua pembuangan sisa adalah menjadi tanggungjawab pengusaha. Pembuangan sisa hanya dibenarkan dibuang ditempat yang dibenarkan.
12. Aktiviti membakar ditapak pengumpulan barang-barang lusuh adalah dilarang sama sekali.
13. Lori /treler tidak dibenarkan diletak di persimpangan jalan.
14. Pengusaha dilarang sama sekali menyimpan, membeli dan menjual barang-barang lusuh yang dicuri dan sekiranya didapati pihak tuan melanggar syarat tersebut, pihak Majlis akan mengambil tindakan penguatkuasaan dan undang-undang tanpa notis lanjut.
15. Pihak MDBG berhak megkaji semula kesesuaian tapak premis perniagaan barang-barang lusuh dan berhak menarik balik lesen yang dikeluarkan sekiranya terdapat aduan awam atau pelanggaran mana-mana syarat pelesenan dan Jabatan Teknikal yang diterima.
16. Segala arahan daripada Yang Dipertua atau mana-mana pegawai Majlis ini yang diberi kuasa hendaklah dipatuhi dari masa ke semasa

ARAHAN :

**YANG DIPERTUA
MAJLIS DAERAH BATU GAJAH**